

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
(JELEBU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.06.2015

Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. apakah benar kenaikan harga barang dan perkhidmatan selepas pelaksanaan GST kelihatan seolah-olah cukai SST tidak terhapus sebaliknya seperti ditambahkan ke atas cukai SST yang sedia ada ; dan
- b. apakah Kerajaan bercadang mengadakan langkah-langkah primitif atau apa-apa jua tindakan yang akan diambil bagi menangani isu bebanan kos sara hidup rakyat akibat peningkatan harga barang dan perkhidmatan dan berapakah kadar inflasi selepas pelaksanaan Cukai Barang dan

Perkhidmatan (GST) sehingga pada April 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015, SST yang dikenakan sebelum 1 April 2015 akan dituntut daripada Jabatan Kastam dalam tempoh 1 April hingga 28 April 2015.

Tanggapan bahawa rakyat dikenakan cukai dua kali atau *double taxation* adalah tidak betul sama sekali kerana stok bagi barang yang telah dibayar SST tetapi tidak dapat dijual sebelum 1 April 2015 layak dituntut kembali cukai jualan yang telah dibayar. Perkara ini termaktub di bawah subseksyen 190 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Sehubungan dengan itu, pengguna hanya membayar satu cukai sahaja dan tiada elemen *double taxation* dan tiada peningkatan kos perniagaan disebabkan elemen cukai.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak menafikan akan berlaku sedikit kenaikan harga

barang yang dianggarkan sebanyak 1.08% kesan daripada pelaksanaan GST pada 1 April 2015. Peningkatan ini adalah secara *one-off* dan dijangka akan stabil dalam tempoh enam bulan hingga setahun. Namun begitu, perkara ini diimbangi sebahagiannya oleh inisiatif Kerajaan untuk membantu golongan sasar bagi mengurangkan impak pelaksanaan GST. Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan termasuklah memperkenalkan pakej bantuan seperti berikut:

1. Melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 ke atas penerima bantuan BR1M sedia ada;
2. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan. Melalui langkah ini, seramai 300 ribu orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu bayar;
3. Cukai pendapatan individu juga akan distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. Kadar cukai maksimum yang kini 26% pula dikurangkan kepada 24%, 24.5%, dan 25% mulai tahun taksiran 2015. Justeru pembayar cukai akan menikmati penjimatan bayaran cukai sekurang-kurangnya sebanyak

5.3%; dan

4. Kadar cukai pendapatan koperasi juga dikurangkan satu hingga dua mata peratusan mulai tahun taksiran 2015. Bagi syarikat, dikurangkan satu mata peratusan daripada 25% kepada 24% dan syarikat kecil dan sederhana (PKS) dikurangkan satu mata peratusan daripada 20% kepada 19%.

Selain itu, pelbagai barangan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST. Antaranya adalah barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula dan minyak masak, termasuk buah-buahan, ubatan penting Nasional dan bahan bacaan. Perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan, pendidikan dan pembelian rumah kediaman juga tidak dikenakan GST.

Kerajaan juga telah menetapkan supaya penjualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG diberi pelepasan GST. Ini bermakna pengguna tidak perlu membayar GST bagi pembelian produk petroluem tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar inflasi yang secara umumnya diukur mengikut Indeks Harga Pengguna (IHP) diunjurkan terkawal antara 2 peratus hingga 3 peratus bagi keseluruhan tahun 2015 (2014: 3.2%) meskipun dengan pelaksanaan Cukai Barang dan

Perkhidmatan (GST). Unjuran awal menunjukkan bahawa impak kepada inflasi berikutan pelaksanaan GST adalah sederhana sahaja. Keadaan yang terkawal ini diimbangi sebahagiannya oleh harga komoditi global yang lebih rendah, terutamanya komoditi makanan.